



كرهان: انتارا فريغان دان كبسرن الهي

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ.

وَجَعَلْنَا اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ آيَاتَيْنِ فَمَحَوْنَا آيَةَ اللَّيْلِ وَجَعَلْنَا آيَةَ النَّهَارِ مُبْصِرَةً لِّتَبْتَغُوا فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ وَلِتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ وَكُلَّ شَيْءٍ فَصَّلْنَاهُ تَفْصِيلًا ﴿٧﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، الصَّادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَفْضَلِ الْمَخْلُوقِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِنِ اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصَيْنُكُمْ وَإِيَّايَ يَتَّقُوا اللَّهَ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah dengan melakukan suruhan dan meninggalkan larangan-Nya, semoga kita beroleh keredhaan Allah di dunia dan di akhirat.

Sebelum melanjutkan bicara, suka khatib memberi peringatan. Marilah kita tinggalkan perkara lagha yang bertentangan dengan sunnah serta adab, iaitu tindakan yang memesongkan perhatian daripada mendengar khutbah dan isi kandungannya. Ini termasuklah perbuatan berbual-bual, tidur dengan sengaja dan

bermain telefon bimbit. Mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: **“Gerhana: Antara Peringatan dan Kebesaran Ilahi.”**

HADIRIN SEKALIAN,

Saban tahun kita diperlihatkan kuasa Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** yang Maha Agung iaitu fenomena gerhana bulan dan gerhana matahari. Gerhana bulan terjadi apabila bumi berada tepat di tengah-tengah jajaran antara matahari dan bulan. Fenomena ini hanya boleh berlaku ketika fasa bulan purnama.

Ketika gerhana bulan berlaku, cahaya bulan akan berubah menjadi kemerahan secara perlahan-lahan sehingga bulan melepasi bayang bumi. Dan peredaran ini hanya berlaku pada suatu masa yang tertentu. Firman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam surah Yaasin ayat 39:

وَالْقَمَرَ قَدَّرْتَهُ مَنَازِلَ حَتَّىٰ عَادَ كَالْعُرْجُونِ الْقَدِيمِ ﴿٣٩﴾

Maksudnya: *“Dan bulan pula Kami takdirkan ia beredar melalui beberapa peringkat, sehingga di akhir peredarannya kelihatan kembalinya pula ke peringkat awalnya (berbentuk melengkung) seperti tandan yang kering.”*

Fenomena gerhana matahari pula terjadi apabila bulan berada di tengah-tengah jajaran antara matahari dan bumi. Lalu, bulan akan melitupi cahaya matahari dan menghalanginya dari sampai ke kawasan-kawasan tertentu di permukaan bumi dalam tempoh tertentu. Fenomena ini hanya boleh berlaku ketika fasa bulan baru.

Fenomena gerhana matahari atau bulan bukanlah suatu tanda akan terjadinya kejadian yang aneh dan mengkhawatirkan seperti mana fahaman masyarakat jahiliah satu ketika dahulu, tetapi gerhana berlaku semata-mata dengan kuasa dan kehendak Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

Antara yang masyhur dan diriwayatkan dalam hadis ialah gerhana matahari yang berlaku pada 28 Syawal tahun ke- 10 Hijri iaitu hari yang sama dengan kematian Ibrahim bin Muhammad, putera Baginda. Ketika sebahagian manusia menghubungkan gerhana itu dengan kematian Ibrahim, Rasulullah ﷺ menggunakan peluang itu untuk meluruskan akidah umat Islam dan sangkaan yang salah. Daripada 'Aisyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا, Rasulullah ﷺ telah bersabda:

إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَاتَانِ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ لَا يَخْسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاتِهِ

Maksudnya: *"Bahawasanya matahari dan bulan itu dua tanda daripada segala tanda-tanda yang menunjukkan keesaan dan kekuasaan Allah ﷻ, tiada gerhana keduanya kerana mati seseorang atau hidupnya."*

(Hadis Riwayat Al Bukhari dan Muslim)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Setiap perubahan yang berlaku terhadap objek *samawi* mengandungi hikmah yang tersendiri termasuklah perubahan yang berlaku kepada matahari dan bulan. Antaranya fenomena ini merupakan manifestasi kebesaran Allah ﷻ di samping memperingatkan kita kepada hari kiamat yang tidak diragui akan kedatangannya.

Oleh itu sebagai umat Islam, mimbar menyeru marilah sama-sama kita memperteguhkan keyakinan kita bahawa hari kiamat yang kita imani akan pasti

berlaku bila sampai masanya. Dan masa itu semakin hari semakin hampir dengan kita. Justeru, Marilah kita tinggalkan segala perbuatan yang dimurkai Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dan memohon kepada-Nya agar kita dilindungi daripada azab hari tersebut dengan berkat syafaat Nabi kita **صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ**.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Hakikatnya gerhana yang terjadi merupakan satu fenomena sains yang boleh dibuktikan menerusi data dan fakta. Ilmuan falak silam telah mempelopori kaedah menghitung masa dan tarikh gerhana. Dengan perkembangan teknologi masa kini, fenomena gerhana juga telah dapat diramal dan dijangka lebih awal. Justeru, fenomena gerhana ini merupakan salah satu bukti kekuasaan dan kebesaran Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** yang mentadbir alam ini dengan sempurna. Sabda Nabi **صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** :

**إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَتَانِ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ، لَا يَخْسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاتِهِ،
فَإِذَا رَأَيْتُمْ ذَلِكَ، فادْعُوا اللَّهَ، وَكَبِّرُوا وَصَلُّوا وَتَصَدَّقُوا**

Maksudnya: *“Sesungguhnya matahari dan bulan itu ialah dua tanda daripada tanda-tanda kekuasaan Allah, tidaklah gerhana keduanya kerana matinya seseorang dan tidak pula kerana hidupnya, jika kalian melihat gerhana, maka berdoalah kepada Allah, bertakbir, laksanakanlah solat dan bersedekahlah. “*

(Hadis Riwayat Imam Al Bukhari)

HADIRIN SEKALIAN,

Mengakhiri khutbah, mimbar mengharapkan kejadian gerhana bulan ini akan menimbulkan keinsafan, kesedaran, menambah serta menguatkan lagi keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**. Sebagai usaha untuk melahirkan keteguhan dan mengekalkan kekuatan iman yang ada dalam diri umat Islam, mimbar menggariskan beberapa nasihat untuk dijadikan pedoman antaranya:

Pertama: Berfikir dan bertafakkur terhadap setiap kejadian fenomena alam.

Kedua: Memperingati tentang nikmat syurga dan azab neraka.

Ketiga: Menjauhkan diri daripada lalai dan lupa kepada Pencipta iaitu Allah
سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

Keempat: Menghitung, mempertingkatkan dan memperkemaskan amal kebajikan sepanjang masa.

Kelima: Segera bertaubat kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* di atas kealpaan dan keenggaran mentaati perintah-Nya.

Firman Allah dalam surah Fussilat ayat 37:

وَمِنْ آيَاتِهِ اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ لَا تَسْجُدُوا لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ وَاسْجُدُوا لِلَّهِ
الَّذِي خَلَقَهُنَّ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿٣٧﴾

Maksudnya: "Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah malam dan siang, serta matahari dan bulan. Janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula sujud kepada bulan dan sebaliknya hendaklah kamu sujud kepada Allah yang menciptakannya, kalau betul-betul kamu hanya beribadat kepada Allah."

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْكِتَابِ وَالسُّنَّةِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِالْآيَاتِ وَالْحِكْمَةِ، أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا، إِنْ كَانَ صَوَابًا فَمِنَ اللهِ الْمَنَّانِ، وَإِنْ كَانَ خَطَأً فَمِنْ نَفْسِي وَالشَّيْطَانِ، وَأَسْتَغْفِرُ
اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib juga mengambil kesempatan ini untuk menyeru para jemaah sekalian agar terus memberikan sokongan padu tanpa berbelah-bagi kepada penduduk Palestin yang sedang dizalimi oleh Regim Zionis melalui serangan tanpa henti di Gaza dan Tebing Barat.

Kita mungkin tidak mampu mengangkat senjata, tetapi kita masih mempunyai kekuatan daripada aspek kewangan. Infakkanlah sebahagian rezeki untuk membantu mereka yang ketika ini berada dalam keadaan yang amat menyedihkan serta menjalani kehidupan yang sukar. Selain itu, gunakanlah senjata paling ampuh yakni DOA. Semoga Allah

E menganugerahkan kejayaan, keselamatan dan kesejahteraan buat seluruh umat Islam serta rakyat Palestin khususnya. Semoga bumi Palestin kembali aman dan makmur di bawah rahmat Allah E.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ أَدِلَّ الشَّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ، اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلِسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ وَفِي كُلِّ زَمَانٍ.

Ya Allah! Muliakan Islam dan orang Islam. Ya Allah! Hinakan Syirik dan musyrikin. Ya Allah! Berilah pertolongan kepada saudara-saudara kami yang muslim, para mujahidin dan golongan-golongan yang lemah di Palestine dan juga di semua tempat dan setiap ketika."

قَالَ اللهُ تَعَالَى: إِنَّ اللهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ اعِزُّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَأُحْذِلْ مَنْ حَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وَلَاتِنَا فِيمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَوَلَاةً فُؤَادًا وَمُظْمِنًا سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادِتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَأَسْمَلِي اللَّهُمَّ بَعَائِيَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفُخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib,
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato'
Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

*"Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang;
Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan
solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan
melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.*

*Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta
berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri
Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-
ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini."*

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ، وَاشْكُرُوا
عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.